

# Kurikulum Geografi Di Sekolah-Sekolah Menengah\*

Khatijah Khalid  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia

This paper focuses on the development of the Malaysian secondary school syllabus in the context of educational changes which have taken place in recent times. This issue is seen in the light of the geography syllabus currently used in secondary schools in Malaysia, and the efforts taken by the Ministry of Education, Malaysia, in the process of curriculum development within the wider framework of the proposed General Education for Malaysian schools.

## Pendahuluan

Pada masa sekarang Malaysia sedang mengalami perubahan yang pesat akibat daripada kemajuan dan perkembangan dalam bidang sosial dan ekonomi serta pembangunan dalam bidang sains dan teknologi. Perubahan dan pembaharuan yang turut berlaku dalam pendidikan pula adalah bertujuan untuk memperbaiki dan mempermaksaannya, bukan sahaja dalam usaha mengekal serta menjaminkan mutu pendidikan yang terdapat pada hari ini bahkan meninggikannya lagi.

Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) telah mencerakinkan prestasi pelaksanaan dasar pelajaran negara dan mengkaji persoalan sama ada sistem pelajaran kebangsaan sekarang dapat memenuhi matlamat negara iaitu perpaduan negara dan keperluan tenaga rakyat di samping membantu perkembangan individu. Berkaitan dengan perkara ini, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha menyemak dan mengubahsuaikan sistem pelajaran kebangsaan agar dapat memenuhi hasrat negara, contohnya perkembangan kurikulum sekolah dalam bentuk Pendidikan Umum seperti yang dicadangkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Dalam pembentukan dan perkembangan kurikulum sesuatu matapelajaran beberapa aspek penting harus diambil kira dan ditekankan. Pernyataan mengenai pengajaran dan pembelajaran sesuatu matapelajaran harus dilandaskan kepada falsafahnya yang sesuai dengan hasrat negara, temanya dan secara eksplisit apa yang diharapkan harus diperolehi oleh pelajar-pelajar. Sukatan pelajaran geografi yang sempurna, contohnya, perlulah mentakrifkan falsafah yang boleh memenuhi cita-cita negara, menerangkan pada dasarnya tema atau pusat tumpuan pengajaran geografi serta menjelaskan dengan eksplisitnya tujuan dan matlamatnya bagi peringkat persekolahan tertentu.

Dalam konteks perubahan dan pembaharuan pendidikan yang dinyatakan di atas dan merujuk kepada aspek-aspek itu, maka fokus kertas ini adalah berpusat kepada pembentukan dan perkembangan sukanan pelajaran geografi sekolah menengah di Malaysia. Isu yang terpenting adalah usaha-usaha yang sedang dijalankan dalam perkembangan sukanan pelajaran geografi ini dari segi perancangan dan pembentukan cadangan Pendidikan Umum untuk sekolah-sekolah di Malaysia.

\*Artikel ini adalah berdasarkan kepada kertas kerja yang telah dibentangkan di Seminar Pengajaran Geografi yang ke 2 di Kuala Lumpur pada 2 - 4 April 1981.

Isu ini bertitik-tolak dari Sukatan Pelajaran Geografi yang digunakan di sekolah-sekolah menengah masa kini dan akan juga dilihat dalam rangka perubahan dan pembaharuan kurikulum geografi yang telah diusahakan sejak pertengahan tahun 1970an dan merangkumi pemikiran dan rancangan awal menggubal sukan-sukan pelajaran geografi sekolah rendah dan menengah oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

### **Kurikulum Geografi Sekolah Menengah Masa Kini**

Kurikulum geografi yang masih digunakan di sekolah-sekolah hari ini berusia lebih daripada 20 tahun (iaitu cetakan 1960an). Hanya pada tahun-tahun 1970an sahaja usaha-usaha dijalankan untuk memgubahsuaiannya.

Sebagaimana yang ditentukan dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan sekarang yang menurut Pendahuluan kepada akta Pelajaran 1961, sistem pelajaran ditubuhkan supaya dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politiknya. Geografi sebagai satu matapelajaran dalam kurikulum sekolah harus dapat menolong mencapai matlamat dan tujuan Dasar Pelajaran dan seterusnya hasrat negara. Oleh itu, ciri ini seharusnya menjadi teras atau penekanan dalam sukan pelajaran. Tetapi sukan pelajaran geografi masa kini tidak menekankan falsafah geografi dalam sistem persekolahan yang sesuai dengan keperluan negara.

Apakah hasilan yang diharapkan dari pendidikan geografi di peringkat-peringkat persekolahan tertentu? Contohnya, pada akhir sekolah menengah apakah pengetahuan dan kemahiran-kemahiran murid-murid seharusnya memperolehi atau mencapai? Sesuatu rancangan yang berkesan menjelaskan tujuan dan matlamatnya sama ada ada dari segi pemeliharaan keperluan dan cita-cita masyarakat atau pun perkembangan individu yang menyeluruh dari segi fizikal, intelek dan emosi, atau pun kedua-duanya sekali. Pernyataan tujuan dan matlamat dalam sukan pelajaran membekalkan satu panduan dalam pemilihan dan penyusunan isi kandungan dan seterusnya dalam perancangan serta pengelolaan pengajaran-pembelajaran. Rasional ini tidak disampaikan dengan jelas dalam sukan pelajaran geografi masa kini dan akibatnya ialah seringkali terdapat aduan (Nota 1), bahawa pelaksanaan sukan pelajaran itu sendiri tidak dapat menentukan penekanan sukan pelajaran itu dan mentafsirkan had-had pembelajaran bagi satu-satu isi kandungan atau berapa luas atau terbatas skopnya.

Sepertimana yang disyorkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) unsur-unsur geografi perlu disampaikan kepada murid-murid dalam usaha membentuk dan memupuk perpaduan negara. Dalam usaha untuk mempercepatkan proses ke arah perpaduan, pendidikan geografi di peringkat sekolah perlu memberi pertimbangan kepada isu-isu penting seperti matlamat negara, pernyataan tujuan yang jelas dan peranan geografi dalam kajian latarbelakang alam sekeliling, fizikal dan sosial.

Dengan merujuk kepada sukan pelajaran sekolah menengah yang digunakan masa kini beberapa persoalan telah ditimbulkan berpusat kepada aspek-aspek penting dalam perancangan dan pembentukan sesuatu sukan pelajaran yang lengkap iaitu falsafah dan tema, serta tujuan dan matlamat. Untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan berkesan guru-guru perlulah dipandu memahami bukan sahaja konsep-konsep dan fakta-fakta yang sebenarnya tetapi penekanan tujuan dan matlamat yang menjadi teras kepada pendidikan. Panduan ini dapat diberi melalui sukan pelajaran yang sempurna.

### **Pemikiran Awal: Kurikulum Baru Geografi Sekolah Menengah.**

Sebelum terbitnya Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) usaha-usaha telah pun ber-

mula sejak pertengahan tahun 1970an di Pusat Perkembangan Kurikulum untuk menggubal kurikulum geografi sekolah menengah.

Dalam usaha meninggikan mutu pengajaran dan pembelajaran geografi supaya matapelajaran ini boleh memainkan peranan yang penting dalam mencapai matlamat pendidikan dan seterusnya membantu memenuhi hasrat negara, Pusat Perkembangan Kurikulum serta Jawatankuasa Penggubalan Sukatan Pelajaran Geografi Sekolah Rendah dan Menengah Malaysia (yang terdiri daripada wakil-wakil dari beberapa bahagian dalam Kementerian Pelajaran, Persatuan Kebangsaan Geografi Malaysia, Universiti-universiti Tempatan, Gurubesar-gurubesar dan Guru-guru) telah mengkaji dan menumpukan perhatian kepada beberapa perkara yang merupakan kelemahan dalam sukanan pelajaran juga pengajaran dan pembelajaran (Nota 2). Usaha bersama dan bersepakat ini telah membuat perancangan mengenai peranan dan kedudukan geografi dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah.

Pemikiran awal dari segi cadangan-cadangan mengenai falsafah, tema, tujuan dan matlamat geografi dalam kurikulum sekolah telah dicerakin dan dikemukakan dalam bentuk deraf-deraft sukanan pelajaran oleh usaha bersama Pusat Perkembangan Kurikulum dan Jawatankuasa Penggubalan Sukatan Pelajaran Geografi Sekolah Rendah dan Menengah Malaysia.

### **Falsafah**

Cadangan penekanan bagi sukanan pelajaran baru di Malaysia hampir serupa dengan penegasan yang terdapat dalam sukanan pelajaran geografi sekolah menengah di Britain yang menyatakan bahawa geografi meliputi kajian yang sebenar, saintifik dan berkemanusiaan, yang sangat berguna bagi seseorang warganegara dalam tugas-tugas hariannya (Williams, 1976, m.s. 15-18). Merujuk kepada deraf sukanan pelajaran geografi Malaysia April 1979 adalah dinyatakan bahawa geografi sebagai satu matapelajaran kurikulum sekolah dapat menolong mencapai matlamat pendidikan melalui pembinaan dan perkembangan pengetahuan mengenai alam sekitar semulajadi dan budaya, sama ada tempatan atau negara lain, cara hidup masyarakat lain dan salingkaitan antara negara. Geografi mempunyai tugas yang penting juga dalam memupuk minat dan menyemai sikap ingin tahu dan perasaan tanggungjawab terhadap masyarakat tersendiri, mewujudkan kesedaran terhadap masalah masyarakat lain dan keperluan kerjasama antara golongan masyarakat dan juga antara negara. Tugas utama geografi melalui kajian kemanusiaan (alam sekitar budaya) dan kajian semulajadi (alam sekitar semulajadi) ialah pembangunan negara melalui perpaduan rakyat di samping mewujudkan perseimbangan di antara manusia dan alam sekitarnya.

### **Tema**

Pada dasarnya, pengajian Geografi berpusat pada tema Organisasi ruang (spatial organization) di mana fenomena-fenomena di dunia ini dikaji dari segi organisasi ruangnya (spatial organisation of geographic phenomena). Apa yang ditekankan ialah kefahaman tentang adanya berbagai interaksi iaitu interaksi manusia dengan manusia dan interaksi antara manusia dengan alam sekitarnya. Penekanan dan kefahaman mengenai interaksi ini adalah penting kerana daripadanya dapat dibentuk konsep umum mengenai beberapa perkara seperti peranan ruang, sifat keruangan alam sekitar dan pengaruhnya kepada manusia. Dengan ini, geografi dapat juga dikaji melalui pendekatan yang menggambarkan berbagai keadaan iklim, kajibumi, ekonomi, sosial dan politik dalam corak kedudukan, pergerakan dan kegiatan manusia yang hampir sama.

## Matlamat dan Tujuan

Matlamat dan tujuannya, termasuklah pembinaan kesedaran dan minat terhadap alam sekitar yang jauh dan dekat. Ianya meliputi pembentukan kemahiran memerhati, merekod, menganalisa dan mentafsir bentuk dan proses di alam sekitar semulajadi dan budaya, pemahaman konsep-konsep, fakta-fakta dan pengaman-pengaman Geografi supaya menyedari salingkaitan manusia dengan alam sekitarnya. Ia juga bertujuan memperkembangkan kebolehan menggunakan pengetahuan dan teknik-teknik Geografi bagi menganalisa dan menilai isu-isu alam persekitaran serta menghargai sumbangan manusia terhadap penyelesaian masalah-masalah dunia. Ia juga bertujuan membolehkan murid-murid memberi sumbangan terhadap proses pembangunan dalam semua segi.

## Geografi Dalam Kurikulum Baru Sekolah Menengah Dalam Konteks Pendidikan Umum: Satu Perancangan

Berdasarkan syor-syor di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) iaitu Perakuan 58 dan Perakuan 61, usaha-usaha di dalam penggubalan kurikulum menengah masa kini sedang giat dijalankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Perancangan dan perbincangan yang meluas dan mendalam oleh Pusat ini dengan pihak-pihak luar sentiasa diadakan untuk membentuk kurikulum yang selaras dengan kehendak masyarakat dan negara. Dalam proses perkembangan kurikulum ini beberapa isu umum dipertimbangkan dan implikasi-implikasi pedidikan umum difikirkan secara terperinci.

Geografi dalam konteks pendidikan umum dianggap sebagai salah satu matapelajaran dalam komponen kajian kemasyarakatan (selain daripada Sivik dan Sejarah) dan dilihat dari segi hubungkaitannya dengan matapelajaran-matapelajaran lain yang mencerminkan perkembangan individu yang menyeluruh serta kaitannya dengan kemanusiaan dan alam sekitar. Melalui hubungkaitan ini nilai-nilai kemanusiaan perlu dikekalkan dan dijadikan asas dalam proses pembangunan negara.

Di atas hakikat ini, satu isu utama menjadi bahan perbincangan dan kajian iaitu mengenai pendekatan bagi penggubalan kurikulum ini. Bagaimanakah geografi dapat dikendalikan untuk mewujudkan hubungan yang erat dengan matapelajaran-matapelajaran yang berkaitan oleh sebab matapelajaran-matapelajaran tersebut sudah lama diberi pengkhususan yang begitu ketat sehingga masing-masing telah menjadi disiplin-disiplin tersendiri?

Hubungkaitan ini dapat dikendalikan melalui sekurang-kurangnya tiga cara. Cara yang pertama ialah dengan mengkhususkan Geografi, Sejarah, Sivik dan matapelajaran-matapelajaran yang berkaitan sebagai disiplin-disiplin yang berasingan tetapi peranan, kandungan dan kesesuaianya akan dikaji semula. Alternatif yang kedua ialah dengan menyatupadukan Geografi dan beberapa matapelajaran yang berkaitan dalam bentuk satu matapelajaran khas. Paduan ini boleh diuruskan melalui pertalian antara tajuk atau konsep, pengetahuan, aktiviti dan tema-tema tertentu tanpa batasan matapelajaran. Yang ketiga ialah satu paduan yang menghapuskan sama sekali sempadan-sempadan antara matapelajaran-matapelajaran. Tajuk-tajuk tertentu disusun berdasarkan tema-tema yang mencerminkan isu dan masalah semasa dari segi keperluan negara.

Setakat ini belum ditentukan lagi sama ada geografi akan kekal sebagai satu matapelajaran yang berasingan dalam kurikulum sekolah atau akan digabungkan dengan matapelajaran-matapelajaran yang berkaitan yang berhubung dengan perkembangan individu yang menyeluruh. Pusat Perkembangan kurikulum sedang mengkaji strategi-strategi paduan dan sisipan serta isu matapelajaran berasingan.

Dalam penentuan pendekatan bagi penggubalan kurikulum menengah ini, beberapa

perkara perlu dipertimbangkan. Jika dikaji isu ini dari segi peranan dan kedudukan geografi dalam kurikulum sekolah beberapa persoalan ditimbulkan seperti berikut:

1. Bolehkah satu kes yang menyakinkan dibuat bagi mengekalkan geografi sebagai satu matapelajaran yang berasingan dalam kurikulum sekolah? Apakah isu-isu yang relevan yang perlu dikekalkan?
2. Jika keutamaan diberi kepada pendekatan paduan, dapatkah unsur-unsur geografi digabungkan dengan matapelajaran-matapelajaran seperti Sejarah dan Sivik dengan berkesannya untuk memperlihatkan perkembangan individu yang menyeluruh sebagai asas dalam proses perkembangan negara?
3. Jika paduan menjadi pilihan muktamad, di peringkat persekolahan manakah akan dimulakan? Adakah geografi dijadikan sebahagian daripada kursus atau matapelajaran gabungan mulai dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, atau dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 sahaja?
4. Apakah implikasinya jika dilihat dari segi pengajian lanjutan dalam bidang Geografi di peringkat selepas menengah iaitu Tingkatan 6 dan seterusnya Universiti?

Persoalan-persoalan yang diutarakan di atas adalah amat penting. Ia mengandungi implikasi yang mendalam untuk penggubalan kurikulum baru terutamanya dari segi penekanan dan susunannya.

Dalam pengekalan dan pemeliharaan geografi sebagai salah satu matapelajaran yang berasingan, peranan dan kandungannya perlu dikaji semula. Ini bermakna mungkin kandungannya dikurangkan, tetapi amatlah penting untuk menyediakan kriteria pemilihan supaya isu-isu tertentu dikenal atau digugurkan dengan teliti dan penuh kebijaksanaan.

Pemilihan unsur-unsur matapelajaran tertentu untuk kursus atau matapelajaran gabungan berdasarkan penentuan tema yang boleh mencerminkan isu dan masalah semasa dari segi keperluan masyarakat dan negara. Kesulitan yang akan dihadapi adalah pemilihan tema yang sesuai untuk menampung prioriti kebangsaan yang berubah-ubah.

Tidak terdapat matapelajaran geografi dengan tersendiri dalam kurikulum baru sekolah rendah. Walau bagaimanapun unsur-unsur geografi terkandung dalam matapelajaran gabungan yang bertujuan memperkenalkan murid-murid kepada persekitaran fizikal dan sosialnya. Memandangkan tujuan ini dan juga Perakuan 58 dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet agar berterusan dari peringkat rendah ke peringkat menengah dipelihara, maka pentinglah dipertimbangkan sejauhmanakah gabungan ini dilanjutkan dan implikasinya dari segi keperluan untuk pengkhususan di peringkat Tingkatan 6 dan juga di peringkat Universiti.

Oleh sebab implikasi-implikasinya sangat penting dan serius adalah dicadangkan supaya Pusat Perkembangan Kurikulum mengadakan perbincangan yang lebih luas dengan pakatan dan kerjasama bahagian-bahagian lain dalam Kementerian Pelajaran dan juga para akademik untuk mengukuhkan perancangan kurikulum baru sekolah menengah ini.

## **Penutup**

Penyemakan dan pengubahsuaian kurikulum sekolah menengah dalam bentuk Pendidikan Umum seperti yang disyorkan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) merupakan satu perubahan kepada Geografi sebagai satu matapelajaran di sekolah menengah. Setakat ini belum ditentukan lagi sama ada peranan dan kedudukan tradisional

geografi akan dikekalkan atau diubahganti. Namun demikian, walau apa pendekatan dipilih bagi penggubalan kurikulum menengah, perlulah ditegaskan bahawa sesuatu perancangan konsep geografi yang akan dilaksanakan dengan berkesan seharusnya berlandaskan falsafah, tema, tujuan dan matlamat tertentu selaras dengan kehendak negara. Dalam konteks ini, segala usaha dalam penggubalan sukan pelajaran geografi perlulah menuju kepada perkembangan individu yang menyeluruh dan dijadikan asas bagi segala kegiatan pembangunan negara, seperti yang dicadangkan dalam bentuk Pendidikan Umum.

Oleh itu pihak-pihak yang bertanggungjawab mesti menyedari dan sentiasa mempertimbangkan isu-isu dan implikasi-implikasi berhubungan dengan perubahan dan pembaharuan kurikulum sekolah menengah agar dapat memberi sumbangan terhadap proses pembangunan negara.

### **Nota**

1. Berasaskan kepada Laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan mengenai pemeriksaan matapelajaran Geografi di sekolah-sekolah menengah luar bandar di negeri Kelantan (1980) Perak (1978) dan Kedah (1979).
2. Berasaskan kepada Laporan Penilaian Sukatan Pelajaran Geografi Sekolah Menengah Rendah (1978) dan Tingkatan IV dan V (1981) oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia.

### **Rujukan**

- Department of Education and Science *New Thinking in School Geography*, Education Pamphlet 59, H.M.S.O. (1972).
- Geographical Association *Teaching Geography*. Vol. 3, No. 4, April 1978. Essex, Longman.
- Geographical Association. *Teaching Geography*. Vol. 4, No. 3, January 1979, Essex, Longman.
- Graves, N.J., *Geography in Secondary Education*. London: Geographical Association, 1972.
- Graves, N.J., *New Movements in the Study and Teaching of Geography*. London: Temple Smith, 1972.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Curriculum Development: A Strategy for Change*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, 1974.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Ilmu Alam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Rancangan Pendidikan Umum Untuk Sekolah-Sekolah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum 1980.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Laporan Penilaian Sukatan Pelajaran Geografi Sekolah Menengah Rendah*, Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, 1978.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Laporan Kajian Penilaian Sukatan Pelajaran Geografi Tingkatan IV dan V*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, 1981.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. *Pendidikan Umum untuk Sekolah Menengah* Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, 1981.
- Marsden, W.E., *Evaluating the Geography Curriculum*. Edinbury & New York: Oliver & Boyd, 1976.
- Nichols, A & S.H., *Developing a Curriculum: A Practical Guide*, London: Allen & Unwin, 1972.

Press Release, Y.B. Menteri Pelajaran Dato Musa Hitam sempena lawatan beliau ke Pusat Perkembangan Kurikulum pada 8.12.1980.

Taba, H., *Curriculum Development: Theory and Practice*. New York: Harcourt, Brace & World, 1962.

Williams M., *Geography and the Integrated Curriculum*. London: Heinemann Educational Books Ltd. 1976.